



KENYATAAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

14 JUN 2026

MET Malaysia TINGKATKAN KESIAPSIAGAAN HADAPI RISIKO CUACA PANAS DAN KERING

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sedang memantau rapi perkembangan fenomena El Niño yang dijangka mula mempengaruhi cuaca negara dalam tempoh terdekat dan berkemungkinan berterusan sehingga awal tahun 2027.

Fenomena ini dijangka menyebabkan cuaca lebih panas dan kering daripada biasa, khususnya sepanjang Monsun Barat Daya yang telah bermula sejak 14 Mei 2026 dan dijangka berterusan sehingga September 2026. Keadaan ini berpotensi mengurangkan jumlah hujan di beberapa kawasan, meningkatkan risiko kekurangan bekalan air, kebakaran hutan dan tanah gambut serta kejadian jerebu.

Sebagai langkah kesiapsiagaan, MET Malaysia telah memperkukuhkan penyampaian maklumat cuaca dan amaran awal kepada kerajaan, agensi berkaitan dan orang ramai. Sehingga Jun 2026, MET Malaysia telah melaksanakan lebih 70 sesi taklimat, mesyuarat dan program libat urus berkaitan cuaca panas dan kering di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Antara sesi utama yang telah dilaksanakan termasuk taklimat kepada Kementerian Ekonomi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Jabatan Pertanian Malaysia serta pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Daerah (JPBD) di seluruh negara.

MET Malaysia juga menyediakan ramalan risiko kebakaran hutan dan tanah gambut sehingga tujuh hari ke hadapan, mengeluarkan ramalan jerebu serta bersedia membantu pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) sekiranya diperlukan dan keadaan cuaca mengizinkan.

Orang ramai disaran untuk sentiasa mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui aplikasi myCuaca dan laman sesawang rasmi MET Malaysia, menggunakan air secara berhemah serta mengelakkan aktiviti pembakaran terbuka.

MET Malaysia akan terus komited menyediakan maklumat cuaca yang tepat dan tepat pada masanya bagi membantu negara membuat persediaan awal menghadapi sebarang risiko cuaca ekstrem.

Sumber:

DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia



Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Meteorologi Malaysia

SENARAI TAKLIMAT YANG DISAMPAIKAN OLEH JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA (MET Malaysia) BERKAITAN CUACA PANAS DAN KERING 2026

1. PUSAT IKLIM NASIONAL, MET Malaysia
 - i. Taklimat El-Nino bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara – 11 Jun 2026
 - ii. Taklimat El-Nino bersama NRES – 10 Jun 2026
 - iii. Taklimat El-Nino bersama Kementerian Ekonomi – 8 Jun 2026

2. PUSAT OPERASI CUACA DAN GEMPA BUMI NASIONAL, MET Malaysia
 - i. Jabatan Pertanian Malaysia [Bengkel Persediaan Menghadapi Monsun Barat Daya Tahun 2026] – 18 Jun 2026
 - ii. Mesyuarat JPBD Kuala Lumpur – 5 Mac 2026
 - iii. Mesyuarat JPBD Putrajaya – 12 Mac 2026
 - iv. Mesyuarat JPBN Wilayah Persekutuan – 12 April 2026

3. PERLIS
 - i. Mesyuarat JPBN Perlis – 19 Mac 2026

4. KEDAH
 - i. Mesyuarat JPBN Kedah – 21 April 2026
 - ii. Mesyuarat JPBD Padang Terap – 10 Feb 2026
 - iii. Mesyuarat JPBD Langkawi – 3 Jun 2026

5. PULAU PINANG
 - i. Mesyuarat Penyelarasan Bencana Kemarau Sektor Pertanian di Negeri Pulau Pinang – 27 Mac 2026
 - ii. Mesyuarat JPBN Pulau Pinang - 13 Apr 2026
 - iii. Mesyuarat JPBD Timur Laut - 9 Apr 2026
 - iv. Mesyuarat JPBD Barat Daya - 11 Mac 2026
 - v. Mesyuarat JPBD Seberang Perai Selatan - 12 Mac 2026
 - vi. Mesyuarat JPBD Seberang Perai Utara - 9 Februari 2026 & 7 April 2026

6. PERAK
 - i. Mesyuarat JPBD Manjung - 9 April 2026
 - ii. Mesyuarat Kinta - 22 April 2026
 - iii. Mesyuarat JPBD Bagan Datuk - 23 April 2026
 - iv. Taklimat kepada JPS Perak - 24 April 2026
 - v. Mesyuarat JPBD Batang Padang - 27 April 2026
 - vi. Mesyuarat JPBD Kampar - 29 April 2026
 - vii. Mesyuarat JPBD Hulu Perak - 8 Mei 2026
 - viii. Mesyuarat JPBD Kuala Kangsar - 19 Mei 2026
 - ix. Mesyuarat JPBD Kerian - 8 Jun 2026
 - x. Mesyuarat JPBD Hilir Perak - 10 Jun 2026

7. KELANTAN

- i. Mesyuarat JPBD Tumpat - 11 Mac 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Gua Musang - 2 April 2026
- iii. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) - 6 April 2026
- iv. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan - 12 April 2026
- v. Mesyuarat JPBD Bachok - 4 Mei 2026
- vi. Mesyuarat JPBN Kelantan - 24 Mei 2026

8. TERENGGANU

- i. Mesyuarat JPBN Terengganu – 19 April 2026
- ii. Mesyuarat Khas JPBN [Taklimat Monsun Barat Daya] – 21 Mei 2026

9. PAHANG

- i. Mesyuarat JPBN Pahang – 13 April 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Maran – 20 April 2026

10. SELANGOR

- i. Mesyuarat JPBN Selangor – 22 Mei 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Klang – 13 Mei 2026
- iii. Jabatan Alam Sekitar Selangor – 14 Mei 2026

11. NEGERI SEMBILAN

- i. Mesyuarat JPBN Negeri Sembilan – 3 April 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Jelebu – 5 Mei 2026
- iii. Mesyuarat JPBD Jempol – 20 Mei 2026
- iv. Mesyuarat JPBD Seremban – 25 Mei 2026

12. MELAKA

- i. Mesyuarat JPBN Melaka – 3 April 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Jasin – 7 April 2026
- iii. Mesyuarat JPBD Alor Gajah – 15 April 2026

13. JOHOR

- i. Mesyuarat JPBN Johor – 28 April 2026

14. SARAWAK

- i. Mesyuarat JPBD Julau - 3 Mac 2026
- ii. Mesyuarat JPB Bahagian Kapit - 25 Mac 2026
- iii. Mesyuarat JPB Bahagian Mukah - 30 Mac 2026
- iv. Mesyuarat JPB Bahagian Miri - 30 Mac 2026
- v. Mesyuarat JPB Bahagian Bintulu - 1 April 2026
- vi. Mesyuarat JPBN Sarawak - 2 April 2026
- vii. Mesyuarat JPB Bahagian Miri - 23 Apr 2026
- viii. Mesyuarat JPBD Meradong - 2 Mei 2026
- ix. Mesyuarat JPB Bahagian Miri [Musim Kemarau, Cuaca Panas dan Bencana Kebakaran Tanah Gambut] - 4 Mei 2026

- x. Mesyuarat JPB Bahagian Sibul - 05 Mei 2026
- xi. Mesyuarat JPB Bahagian Kuching - 11 Mei 2026
- xii. Mesyuarat JPBD Samarahan - 14 Mei 2026
- xiii. Mesyuarat JPBD Telang Usan - 15 Jun 2026

15. SABAH

- i. Mesyuarat JPBD Tongod – 5 Mac 2026
- ii. Mesyuarat JPBD Ranau – 6 Mac 2026
- iii. Mesyuarat JPBD Papar – 31 Mac 2026
- iv. Mesyuarat JPBD Paitan – 1 April 2026
- v. Mesyuarat JPBD Kota Marudu – 2 April 2026
- vi. Mesyuarat JPBD Kuala Penyu – 6 April 2026
- vii. Mesyuarat JPBN Sabah – 7 April 2026
- viii. Mesyuarat JPBD Pitas – 7 April 2026
- ix. Mesyuarat JPBD Kota Kinabalu – 21 April 2026
- x. Mesyuarat JPBD Kecil Pulau Banggi – 1 Mei 2026

16. FORUM/SESI DIALOG MEJA BULAT yang melibatkan MET Malaysia

- i. *Conversation on Climate: Navigating the Heatwave* [Kenanga Investment Bank, EPF, Sime Darby, PNB, KWAP, Eastspring, Kenanga Investors] – 19 Jun 2026

Nota:

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri – JPBN
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah – JPBD
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana - JPB